



**TEKS UCAPAN
YB RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**PERHIMPUNAN BULANAN
DAN
PELANCARAN PROGRAM PENGHAYATAN BULAN KEBANGSAAN
KPLB 2018**

Tarikh : 16 Ogos 2018 (Khamis)

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Dewan Seri Lestari
Aras B1, KKLW

Tema
“SAYANGI MALAYSIAKU”

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, dan Salam Sayangi Malaysiaku.

Yang Berhormat Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah

Timbalan Menteri KPLB

YBhg. Dato' Azizan bin Mohamad Sidin

Y.Brs. Puan Norison binti Ramli

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria

Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan)

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi, Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga KPLB yang dikasihi; serta

Rakan-rakan media sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji milik Allah SWT. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama berhimpun buat pertama kali bersempena Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Program Penghayatan Bulan Kebangsaan Peringkat KPLB bagi tahun 2018.
2. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada KPLB dan semua Ahli Jawatankuasa Perhimpunan Bulanan dan Pelancaran Program Bulan Kebangsaan Peringkat KPLB di atas penganjuran majlis pada pagi ini. Sesungguhnya penganjuran ini membuktikan komitmen warga KPLB terhadap usaha-usaha rakyat dan kerajaan dalam memulihkan dan memajukan Negara Malaysia serta menzahirkan perasaan cinta pada Negara di kalangan warga sama ada di peringkat KPLB mahupun di peringkat jabatan/agensi di bawahnya.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

3. Sebagai warganegara, kita seharusnya berasa bertuah menjadi sebahagian daripada rakyat negara yang berdaulat dan merdeka kerana kita dapat mengecapi kehidupan dalam suasana yang harmonis, aman serta sejahtera. Dengan nikmat kemerdekaan, rakyat di negara ini hidup lebih selesa, harmoni dan makmur serta bertolak ansur dalam menjalinkan hubungan

sillaturrahim sekaligus perpaduan kaum. Perpaduan adalah suatu nikmat yang amat berharga dan tidak ternilai harganya. Oleh itu, ia perlu dibelai, dipupuk dan dipelihara dalam diri kita semua agar kemerdekaan Malaysia dapat dipertahankan sampai bila-bila walaupun jasad, nyawa serta maruah menjadi taruhan.

4. Kali ini kita menyambut kemerdekaan yang lebih bermakna di bawah tampuk pemerintahan baru kerajaan Pakatan Harapan yang kini menerajui Negara Malaysia selepas 60 tahun berada di bawah pemerintahan yang lalu iaitu kerajaan Barisan Nasional.
5. Oleh kerana ini merupakan kejayaan besar kepada negara kita, ayuhlah kita bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda kegembiraan dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada agama, bangsa dan negara. Semangat kecintaan (patriotisme) yang ditunjukkan terhadap negara adalah satu semangat yang menuntut tanggungjawab, ketaatan dan pengorbanan. Ia bukanlah hanya simbol semata-mata tetapi semangat yang mencetuskan pengaruh yang kuat untuk mempertahankan kedaulatan Negara dan menyejahterakan rakyat.
6. Justeru itu, tanggungjawab kita hari ini adalah untuk menggilap semula erti kemerdekaan yang semakin lesu ke arah memupuk semangat patriotisme dengan jiwa yang merdeka. Apabila kita mengibarkan Jalur Gemilang, secara tidak langsung juga ianya dapat memupuk perpaduan dalam kalangan kita semua tanpa mengira latar belakang agama yang kita anuti, warna kulit yang menyalut tubuh badan kita, pangkat atau darjat.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

**Berlapis cempaka di sisi kekwa,
Indah redup dihias melati,
Semangat merdeka kekal di jiwa,
Nescaya hidup lebih bererti**

**Rawa di Tanjung Kemas Dipaku,
Di dada jejawi bersilang hiasan,
Jiwa menyanjung lagu Negaraku
Tanda pertiwi dijulung warisan.**

7. Dalam ucapan YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad semasa Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan Dan Kibar Jalur Gemilang 2018 di Pulau Pinang pada 4 Ogos yang lalu, beliau berkata bahawa sambutan kemerdekaan kali ini adalah merupakan kemenangan rakyat maka rakyat perlu berbangga **dengan mengibar Jalur Gemilang di mana-mana jua**; di bandar dan di kampung, di kereta dan di rumah, di pejabat dan di kedai-kedai, di jalan-jalan mahupun di tengah lautan. Kibarkanlah Jalur Gemilang bagi menzahirkan rasa cinta sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara ini dengan apa cara sekalipun. Alhamdulillah, negara kita kini stabil dengan berkat sokongan rakyat walaupun dibeban dengan berbagai masalah.

8. **Sayangi Malaysiaku**, begitulah tema hari kebangsaan kita pada tahun ini. Slogan ini tepat dan kena pada masanya. Kerana kita sayangi Malaysialah maka kita berusaha menyelamatkan negara kita. Justeru, saya mengajak semua warga KPLB buktikanlah kesayangan kita kepada Malaysia kita dengan mengibar Jalur Gemilang.
9. Saya percaya pemilihan tema ini adalah sangat tepat dan saya amat bersetuju kerana bagi saya memang itulah semangat yang ingin diterapkan oleh pihak kerajaan dalam memastikan kemakmuran dan kejayaan yang dikecapi oleh negara kita yang telah dicapai sehingga pada masa kini dapat dipertingkatkan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

10. Kerajaan Pakatan Harapan pada hari ini adalah kerajaan pilihan rakyat yang akan memastikan keadilan dan tidak menzalimi kepada sesiapa pun yang senantiasa berpegang kepada **the rule of law** iaitu pemerintahan mengikut undang-undang. Kerajaan Pakatan Harapan berjanji akan melaksanakan apa jua perkara bagi memastikan martabat Negara ini kembali dijulang di mata dunia. Justeru, kesabaran daripada rakyat untuk bersama-sama dengan jentera Kerajaan dan anggota Kerajaan amatlah diperlukan bagi menggalas usaha yang berterusan dalam terus memerdekakan negara yang tercinta ini.
11. Justeru, Kerajaan akan melaksanakan perancangan dan strategi yang bersesuaian dalam kawalan kos sara hidup untuk kesejahteraan rakyat melalui penggunaan cara-cara baharu yang lebih efisien dan produktif.
12. Bulan Ogos sinonim dengan Bulan Kebangsaan yang semestinya perlu diisi dengan aktiviti-aktiviti berbentuk patriotik dan kenegaraan bagi menzahirkan rasa cinta kepada Negara. Terdapat pelbagai program dan aktiviti yang dirangka bersempena bulan kemerdekaan bermula dari 4 Ogos yang lalu hingga 16 September 2018 di peringkat Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya. Ayuhlah kita sama-sama menzahirkan rasa cinta dan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara melalui kibaran Jalur Gemilang.
13. Akhir kata, Selamat Menyambut Hari Kebangsaan dengan slogan **Sayangi Malaysiaku**, kerana negara **'Malaysia adalah Kita Punya'**.
14. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya ingin mengajak para hadirin sekalian untuk merenung kembali dan menghayati sebuah puisi agung hasil karya Sasterawan Negara terulung iaitu Allahyarham Datuk Usman Awang bertajuk **Jiwa Hamba**.

Termenung seketika sunyi sejenak
Kosong di jiwa tiada penghuni
Hidup terasa diperbudak-budak
Hanya suara melambung tinggi

Berpusing roda beralihlah masa
Pelbagai neka hidup di bumi
Selagi hidup berjiwa hamba
Pasti tetap terjajah abadi

Kalau hidup ingin merdeka
Tiada tercapai hanya berkata
Ke muka maju sekata, maju kita
Melemparkan jauh jiwa hamba

Ingatkan kembali kata sakti
Dari bahang kesedaran berapi
Di atas robohan Kota Melaka
Kita dirikan jiwa merdeka

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan Perhimpunan Bulanan KPLB serta sambutan Pelancaran Program Penghayatan Bulan Kebangsaan KPLB 2018.
16. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**Kementerian Pembangunan Luar Bandar
MALAYSIA**

16 Ogos 2018